

BAHAGIAN A


Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Antara berikut, yang manakah **BUKAN** terdiri daripada subkontraktor domestik?

- A Subkontraktor Kerja
- B Subkontraktor Buruh
- C Subkontraktor Bahan
- D Subkontraktor Sistem

2. Apakah proses yang berlaku di **Y**?



- A Klien bertemu dengan subkontraktor bagi mendapatkan persetujuan gerak kerja
- B Kontraktor mengukur keluasan tapak bagi penyediaan senarai bahan dan sebut harga
- C Klien melakukan pemilihan kontraktor yang paling layak untuk melaksanakan aktiviti pembinaan
- D Konsultan memastikan reka bentuk yang disediakan oleh konsultan sesuai untuk dibina di tapak bina

3. Pernyataan di bawah merujuk kepada

- Membantu kontraktor dan klien mendapatkan anggaran kasar projek.
- Membantu kontraktor dan subkontraktor memesan bahan binaan.
- Membantu pihak kontraktor memahami lukisan pembinaan dengan lebih terperinci.

- A Kontrak
- B Spesifikasi
- C Jadual Kerja
- D Senarai Bahan

4. Apakah yang dimaksudkan dengan spesifikasi?
- A Jadual menerangkan gerak kerja dan peraturan di tapak bina
 - B Jadual senarai keperluan, peralatan dan bahan yang diperlukan di tapak bina
 - C Data harga dan kuantiti bahan binaan yang diperlukan berdasarkan lukisan kerja yang disediakan
 - D Data menjelaskan kualiti, kuantiti bahan dan tatacara kerja yang tidak dapat dijelaskan di dalam lukisan kerja
5. Dokumen yang disediakan **selepas** tender dianugerahkan kepada kontaktor dan juga tersedia untuk ditandatangani oleh pelanggan dan kontraktor dikenali sebagai
- A Dokumen kontrak
 - B Jadual Spesifikasi
 - C Dokumen pembidaan
 - D Jadual bilangan kuantiti
6. Jika projek mengalami kelewatan disebabkan oleh arahan tambahan majikan atau klien, kontraktor layak memohon
- A *Over time*
 - B *Renewal time*
 - C *Emergency time*
 - D *Extension of time*
7. Set lukisan yang telah disemak semula berdasarkan perubahan yang dibuat dalam spesifikasi dan lukisan kerja semasa proses pembinaan, dan menunjukkan dimensi yang tepat, geometri dan lokasi semua unsur-unsur kerja yang lengkap di bawah kontrak dan dihantar apabila selesai sesuatu projek atau kerja tertentu dikenali sebagai
- A *As built drawings*
 - B *Working drawings*
 - C *Preliminary drawings*
 - D *Construction drawings*

8. Antara yang berikut yang manakah tidak termasuk dalam butiran kontrak?
- A Senarai bahan
 - B Syarat perjanjian
 - C Spesifikasi teknikal
 - D Senarai subkontraktor
9. Turutan yang betul bagi langkah-langkah menyediakan senarai bahan ialah:
- i. Mentafsir dan menilai lukisan kerja
 - ii. Mengukur dan mengeluarkan data kuantiti
 - iii. Menganggarkan kos mengikut data kuantiti
 - iv. Mendapatkan sebut harga daripada pembekal
- A iv, iii, i, iv
 - B ii, iii, iv, i
 - C i, ii, iv, iii
 - D iii, ii, iv, i
10. Laporan yang disediakan oleh kontraktor utama dan perlu disahkan oleh pihak perunding pada setiap bulan dikenali sebagai
- A Laporan siap kerja
 - B Laporan tapak bina
 - C Laporan kerja susulan
 - D Laporan kemajuan kerja
11. Pernyataan di bawah merujuk kepada
- Akan digunakan sekiranya berlaku kemungkiran kontrak
 - Untuk menjamin kontraktor melaksanakan kerja mengikut kontrak
 - Akan dilepaskan setelah kontraktor diberi Perakuan Siap Membaiki Kecacatan projek
- A Insurans tapak bina
 - B Wang jaminan bank
 - C Insurans kecacatan projek
 - D Wang jaminan pelaksanaan

12. Apakah yang dimaksudkan dengan Insurans kerja?
- A Insurans perlindungan pekerja terhadap kemalangan yang berlaku di tapak projek
 - B Insurans yang diambil bagi melindungi liabiliti klien terhadap kerosakan dan kecederaan
 - C Insurans bagi melindungi segala kerosakan yang berlaku akibat campur tangan orang awam
 - D Insurans terhadap kerugian dan kerosakan ke atas kerja yang disebabkan oleh kebakaran, petir, letupan dan sebagainya sebelum memulakan kerja
13. Terma "*force majeure*" yang digunakan dalam tempoh lanjutan masa kerja merujuk kepada
- A Percanggahan dalam dokumen kontrak yang menyebabkan rombakan kerja yang banyak
 - B Arahan tambahan yang dikeluarkan oleh pihak konsultan yang menyebabkan pertambahan kerja
 - C Masalah kekurangan bahan atau terputus bekalan bahan binaan yang menyebabkan kelambatan projek
 - D Kuasa Tuhan yang tidak dapat dihalang seperti cuaca yang ekstrem atau sesuatu di luar jangkaan seperti peperangan dan rusuhan
14. Apakah yang dimaksudkan dengan *Liquidated and Ascertained Damages (LAD)*
- A Tempoh jaminan dan masa yang diberikan kepada pihak klien bagi kualiti hasil kerja pembinaan kontraktor
 - B Amaun wang jaminan yang dicagarkan bagi membayar semula kepada klien jika berlaku kerosakan di tapak bina
 - C Amaun wang penalti atau denda yang dikenakan kepada kontraktor kerana gagal menyiapkan kerja binaan berdasarkan jumlah hari lewat
 - D Tempoh yang diberikan kepada kontraktor bagi menjalankan aktiviti baik pulih kecacatan bangunan mengikut senarai yang dikeluarkan arkitek

15. Pernyataan di bawah merujuk kepada milikan perniagaan jenis.

- Ditubuhkan dibawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
- Modal daripada simpanan sendiri atau pinjaman
- Segala kerugian ditanggung pemilik

- A Koperasi
- B Milikan tunggal
- C Syarikat awam berhad
- D Syarikat sendirian berhad

16. Antara jenis perniagaan berikut, yang manakah tidak dikenakan cukai

- A Koperasi
- B Perkongsian
- C Syarikat awam berhad
- D Syarikat sendirian berhad


17. Berikut adalah persamaan bagi kedua-dua pertubuhan di bawah, **kecuali**

- Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM)
- Pertubuhan Perekabentuk Dalam Malaysia (PPDM)

- A Badan perwakilan profesional yang diiktiraf
- B Badan penasihat perundangan profesional
- C Pusat latihan dan pendidikan bidang berkaitan
- D Pusat pendaftaran perniagaan arkitek dan perekabentuk

18. Apakah yang dimaksudkan dengan Sijil Membaiki Kecatatan?

- A Sijil yang dikeluarkan oleh Arkitek apabila kontraktor berjaya membaiki kecacatan bangunan dalam tempoh DLP seperti yang dikehendaki
- B Sijil yang dikeluarkan oleh Arkitek untuk mengesahkan projek telah sempurna setelah membaiki semua kecacatan bangunan dan bersedia untuk pembayaran terakhir
- C Sijil yang dikeluarkan kepada kontraktor apabila kontraktor gagal menyiapkan kerja binaan dalam tempoh yang telah ditetapkan berserta denda
- D Sijil yang dikeluarkan oleh Arkitek setelah didapati kerja-kerja kontraktor berjaya disempurnakan pada tempoh yang ditetapkan dengan kecacatan bangunan yang minimum



19. Berdasarkan jenis milikan perniagaan di atas, yang manakah pernyataan yang tepat bagi W

- i. Bilangan ahli 2 hingga 20 orang
- ii. Liabiliti tidak terhad, melibatkan harta peribadi
- iii. Modal dikeluarkan sendiri oleh pengurus syarikat
- iv. Agihan keuntungan mengikut nisbah yang telah ditetapkan

- A i, ii
B ii, iii
C i, ii, iv
D i, ii, iii, iv

20. Bagaimanakah cukai dikenakan terhadap pemilik perniagaan jenis milikan tunggal?

- A Pemilik tidak dikenakan sebarang cukai
B Pemilik dikenakan cukai terhadap aset fizikal yang dimiliki
C Pemilik perlu membayar cukai pendapatan perseorangan sahaja
D Pemilik mesti membayar kadar cukai bergantung kepada peratus keuntungan perniagaan

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

a. Apakah peranan PAM dan MIID dalam industri rekabentuk dalaman dan industri pembinaan?

(2 markah)

b. Apakah yang dimaksudkan dengan perniagaan jenis milikan tunggal?

(2 markah)

c. Huraikan **tiga (3)** kelebihan perniagaan jenis milikan tunggal

(6 markah)

SOALAN 2

a. Mengapakah sesi taklimat (*briefing*) amat penting sebelum memulakan sesebuah projek?

(2 markah)


b. Apakah yang dimaksudkan dengan pembidaan tawaran tender?

(2 markah)

c. Huraikan **tiga (3)** tanggungjawab kontraktor terhadap pekerjaanya.

(4 markah)

SOALAN 3



Carta 1 : Susun Atur Tapak Bina

- Mengapakah dinding adang dan pagar perlu dibina di sesebuah tapak bina?
(2 markah)
- Apakah elemen yang terdapat di Q?
(2 markah)
- Berikan **tiga (3)** contoh dan fungsi bagi Q.
(6 markah)

SOALAN 4

- Senaraikan **empat (4)** jenis dokumen kontrak.
(4 markah)
- Huraikan **tiga (3)** kepentingan dokumen kontrak.
(6 markah)

SOALAN 5

Berikan **dua (2)** skop kerja bagi jawatan-jawatan berikut:

- a) *Principal*
- b) *Project Manager*
- c) *Design Assistant*
- d) *Production Manager*
- e) *Draught persons (CAD)*

(10 markah)

SOALAN 6

a. Jika ditanya "Apakah kelemahan dan kekurangan anda" ketika menghadiri sesi temuduga, apakah jawapan yang sesuai diberikan agar situasi memihak kepada anda?

(3 markah)

b. Apakah cara terbaik untuk menyatakan tahap kebolehan dan kemahiran di dalam sebuah *resume*? Lakarkan jawapan anda jika perlu.

(3 markah)

c. Huraikan **dua (2)** ciri portfolio yang baik dan sesuai digunakan bagi ketika menghadiri sesi temuduga sebagai seorang perekabentuk dalaman.

(4 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

Anda akan menghadiri satu sesi temuduga bagi jawatan *Junior Interior Designer*, di sebuah firma rekabentuk dalaman iaitu Oracle Interior Design Consultant beralamat di Lot 23-2, Aras 23, Menara Wawasan, 38000 Johor Bahru, Johor. Anda dikehendaki untuk menghantar satu salinan portfolio sebelum menghadiri sesi temuduga tersebut kepada Pn. Shima selaku pegawai sumber manusia di firma tersebut.

- a. Tuliskan surat iringan atau *cover letter*, kepada Pn. Shima bagi tujuan menghantar salinan portfolio tersebut.

(10 markah)

SOALAN 2

Selaku penyelia tapak yang dilantik oleh kontraktor utama, Mega Construction Sdn. Bhd., anda dikehendaki menghadiri satu mesyuarat tapak bina bagi projek pembinaan banglo Datin Sharifah, di Horizon Hills, Johor Bahru. Antara isu-isu yang dibincangkan di dalam mesyuarat tersebut ialah maklumbalas Datin Sharifah mengenai pembinaan dapur beliau yang tidak menepati kualiti bahan seperti yang dijanjikan di dalam kontrak. Manakala pihak subkontraktor pula menyuarakan masalah pembekal yang dihadapi mereka mungkin akan melambatkan tempoh siap kerja. Mesyuarat tersebut juga membincangkan solusi dan pihak yang bertanggungjawab terhadap permasalahan tersebut.

- a. Sebagai penyelia tapak, sediakan satu minit mesyuarat lengkap, bagi mesyuarat tapak bina tersebut.

(10 markah)

SOALAN 3

Selaku pengurus projek bagi syarikat Nazrin Builders Sdn. Bhd. anda ditugaskan bagi menyelia sebuah projek pembinaan rumah banglo dua tingkat, milik Dato Azman, yang terletak di Lot 361, Taman Dato Pahlawan, 81200 Johor Bahru. Dimana di tapak yang sama, sebuah garaj kenderaan dan rumah tetamu satu tingkat juga akan dibina.

Syarikat Izaaz Reka yang dilantik sebagai konsultan bagi projek ini, telah melantik En Shahrul Rahman daripada syarikat Permata Engineers Sdn. Bhd. sebagai jurutera struktur bagi projek ini dan En Kamarul Anuar daripada CSY Consultant Sdn. Bhd. sebagai jurutera M & E.

Kelulusan bagi pembinaan projek ini telah diterima pada 1 April 2019, manakala pembinaan dijangka akan bermula pada 20 April 2019 dan dijangka akan tamat dalam masa satu tahun daripada tarikh kelulusan pembinaan diterima.

- a. Berdasarkan maklumat yang diberikan, lakarkan Papan Tanda Projek Pembinaan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

(10 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

